



RESOLUSI

کوٹا صوفی سنو سنتارا KOTA SUFI SE-NUSANTARA 3.0

✱ SABAH ✱

“TASAWUF SEJATI MANHAJ ISLAH DAN PERADABAN INSAN”

WWW.KOTASUFISENUSANTARA.COM

MUKADDIMAH

Dengan penuh rendah hati serta memohon rahmat dari Allah SWT, Liqa' Mahabbah Para Syaikh Sufi telah berlangsung di Hotel Raia, Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia (23 Ogos 2025 bersamaan 29 Safar 1447H). Maka kami, Liqa' Mahabbah tersebut telah mencapai kesepakatan untuk merumuskan beberapa resolusi dan adalah ia seperti berikut:

1. Hakikat Tasawuf

1.1 Tasawuf adalah manhaj tarbiyah rohani yang membimbing seorang Muslim menuju maqam Ihsan, sebagaimana didefinisikan oleh Nabi SAW:

أَنْ تَعْبُدَ اللَّهَ كَأَنَّكَ تَرَاهُ، فَإِنْ لَمْ تَكُنْ تَرَاهُ فَإِنَّهُ يَرَاكَ

1.2 Tasawuf ini merangkumi proses takhalli, iaitu pembersihan diri daripada sifat-sifat tercela; tahalli, iaitu menghiasi diri dengan akhlak mulia; serta tajalli, iaitu terpancarnya cahaya makrifah dalam hati seorang hamba.

2. Kriteria Kesahihan Tarekah

2.1 Tarekah sufi yang sahih ialah tarekah yang berpegang teguh kepada al-Quran dan Sunnah, sesuai dengan syariat yang meliputi aspek zahir dan batin serta mengikuti manhaj salafus soleh. Ia bukan sekadar amalan ritual atau dakwaan spiritual, tetapi mesti bersih daripada bid'ah, khurafat dan segala bentuk penyimpangan. Ukuran kesahihan suatu tarekah ditentukan oleh tiga ciri yang utama:

1. Murid yang sadiq, iaitu jujur, benar dan ikhlas
2. Syeikh yang kamil, yakni alim dalam syariat, tarekah dan hakikat
3. Manhaj yang sahih, iaitu selaras dengan syariat

3. Bahaya Tarekah Menyimpang

Pengamal tarekah yang dipengaruhi dengan bid'ah sayyiah, dorongan hawa nafsu, amalan tahyul serta khurafat tidak termasuk dalam kategori pengamal tarekah yang lurus. Malah, ia boleh menjauhkan daripada manhaj yang sahih serta menjerumuskan kepada kesesatan. Ukuran kebenaran sesuatu tarekah dalam melahirkan salik yang arif bukan diukur daripada banyaknya murid atau pengikut, tetapi ditentukan oleh kualiti iman, amal, bimbingan, serta kesesuaiannya dengan syariat.

4. Fungsi Sosial dan Spiritual

Tasawuf sejati menumbuhkan kesadaran ubudiyah, memperhalus rasa kehadiran Allah, serta melahirkan akhlak yang luhur dalam kehidupan pribadi mahupun sosial. Tasawuf bukan sekadar teori, tetapi merupakan amal yang ikhlas dilakukan kerana Allah, sehingga dapat mengubah ilmu menjadi zauq (rasa dalam batin), lalu membentuk perilaku, sama ada dalam perkataan mahupun perbuatan yang luhur dan mulia.

5. Pepaduan dan Institusi

Menyokong penubuhan Rabitah Masyayikh Sufiyyah Nusantara sebagai wadah persatuan dan koordinasi bagi tarekah yang sah dan muktabar di Asia Tenggara (Nusantara), demi menjaga keaslian, menghindari perpecahan serta mengelakkan penyalahgunaan.

6. Panduan dan Rujukan Tarekah

6.1 Menyusun dan menyebarkan kitab Dalil al-Salikin sebagai garis panduan bagi murid dan murabbi tarekah tasawuf di Nusantara, untuk memastikan kesinambungan ilmu dan amal, teori dan praktikal.

6.2 Menyelenggarakan penyelidikan, kajian, serta persidangan ulama sufi dalam rangka menjawab isu-isu kontemporari mengenai tarekah tasawuf, serta menjadi rujukan bagi para pengkaji, ulama, dan pihak berautoriti dalam memberikan panduan kepada umat, khususnya para salik.

7. Komitmen Moral dan Sosial

7.1 Mendorong kaum sufi agar berperanan aktif dalam memperbaiki akhlak, memperkukuh ukhuwah Islamiyyah, serta membawa keamanan sosial dalam masyarakat.

7.2 Menetapkan kepentingan pembinaan rohani melalui jalur tarekah muktabarah yang sah sanadnya hingga Rasulullah SAW, dengan bimbingan para masyayikh yang benar.

8. Dukungan dan Persetujuan

8.1 Bersetuju dengan penubuhan Jilsah Thuruq Sufiyyah di bawah Pejabat Mufti Kerajaan Negeri Sabah, serta menyokong penggubalan Enakmen Tarekah sebagai asas perundangan terhadap pengamalan tarekah.

8.2 Bersetuju supaya dirangka satu Garis Panduan Pengamalan Tarekat di Sabah sebagai rujukan bersama bagi setiap gerakan kerohanian.

Penutup

Demikianlah resolusi ini digubal sebagai satu komitmen bersama untuk dilaksanakan. Pesanan kepada para pengkritik, diingatkan agar meneliti ilmu tasawuf secara ilmiah, dengan penuh keadilan serta bebas daripada sikap fanatik buta, agar tidak menyeleweng daripada hakikat ajaran para sufi yang ikhlas. Semoga Allah SWT merestui usaha kita dalam memelihara keharmonian serta memperkukuh persaudaraan sesama umat manusia.



“TASAWUF SEJATI MANHAJ ISLAH DAN PERADABAN INSAN”



kotasufisenusantara.com